

28 Oktober 2017, Anis Natasha



BADAN CERGAS MINDA
CERDAS!

Seawal jam 7.00 pagi aktiviti regangan badan serta senamrobik telah dikelola kru "Community Heroes" telah bersama-sama terlibat dalam regangan bersama murid. Mereka telah didedahkan dengan kepentingan regangan badan selain daripada mencergaskan badan mereka. Salah satu aktiviti 3M (Menulis, Mengira, Membaca), "Scrabble Words" telah dijalankan bagi mencabar minda murid Orang Asli dalam membina perkataan melalui sumber huruf yang terhad.



YOUNG ENGINEERS & BUILD
THE BUILDING

Program yang berbentuk KBAT dan STEM turut dilaksanakan dalam mencungkil kreativiti dan ketajaman minda murid bagi memudahkan proses pembelajaran. Aktiviti "Young Engineers" telah menggunakan model Lego bagi mengasah minda murid supaya berjaya menghasilillkan robot dengan diprogramkan oleh komputer. "Build the Building" merupakan aktiviti seiringan yang dijalankan supaya murid Berjaya mencipta bangunan melalui sumber yang terhad telah diberikan.



YYBG BIKERS

Ketibaan konvoi yang terdiri daripada 16 orang ahli Kelab "YYBG Bikers" telah memeriahkan lagi suasana di SK Pos Brooke. Ketua kelab, Encik Mohd Azli Yusof, selaku Timbalan Pengerusi JPJ Gua Musang, Kelantan, telah disambut mesra dengan acara pembukaan iaitu persembahan Sewang (Tarian Orang Asli) dari murid Orang Asli yang serba boleh. Acara diteruskan lagi dengan aktiviti "Street Soccer" yang melibatkan murid, "Community Heroes" serta YYBG Bikers bermain bersama. Seiringannya, aktiviti "Fun Melody" yang menggunakan instrument "shaker" mendedahkan para pelajar dengan mencipta dan menghasilkan alat muzik sendiri turut disertai YYBG Bikers. Murid-murid juga tidak melepaskan peluang untuk mencipta pengalaman pertama mereka untuk menaiki motorsikal berkuasa tinggi sebelum keberangkatan pulang oleh ahli YYBG Bikers.



SELAMAT TINGGAL SK POS BROOKE

Suasana kembali meriah pada aktiviti terakhir yang dijalankan oleh wargakerja YBR, "Community Heroes", serta murid Orang Asli yang bersama-sama menari, menyanyi dan bermain alat muzik dalam acara penutup iaitu persembahan daripada wargakerja YBR selepas upacara penyerahan cenderamata kepada Guru Besar SK Pos Brooke telah disempurnakan oleh Pengurus Jabatan Pembangunan Program, En Mukhti.